

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HMP 303 - Psikologi Bahasa (Penterapan keapda
Bahasa Malaysia)

Tarikh: 7 November 1987

Masa: 9.00 pagi. - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab LIMA(5) soalan. DUA(2) soalan daripada Bahagian A, dan SATU(1) soalan daripada setiap Bahagian B, C dan D.

BAHAGIAN A - Soalan Nol dan No2 MESTI dijawab

1. Bincangkan teori-teori pemerolehan bahasa pertama sebagaimana yang telah diutarakan oleh pihak behavioris dan pihak generatif.
2. Tulis nota ringkas (5 - 6 baris) tentang kesemua istilah-istilah ini:
 - (a) afasia Wernicke
 - (b) motivasi intergratif
 - (c) kesilapan
 - (d) 'affective' filter
 - (e) tatabahasa

BAHAGIAN B - Pilih SATU(1) soalan sahaja

3. Apakah peranan bahasa dalam perkembangan kognitif? Dapatkah kita mempercepatkan perkembangan kognitif dengan cara latihan bahasa yang khas? Bincangkan.
4. Bincangkan dengan kritis teori perkembangan kognitif sebagaimana yang telah diutarakan oleh Jean Piaget.

.../2

BAHAGIAN C - Pilih SATU(1) soalan sahaja

5. Dari kajian-kajian yang telah dijalankan, sarjana-sarjana mendapati bahawa kanak-kanak diseluruh dunia mengikuti corak yang sama dalam proses pemerolehan bahasa. Bincangkan tahap-tahap perkembangan bahasa (pralinguistik dan juga linguistik) yang kanak-kanak lalui serta juga ciri-ciri kesejagatan lain yang terlibat di dalam proses ini.
6. Terangkan perbezaan antara pemerolehan dan pembelajaran. Kemudian bandingkan pemerolehan bahasa pertama dan pembelajaran bahasa kedua. Lihat kepada perbezaan dan persamaan yang wujud di dalam kedua-dua proses ini.

BAHAGIAN D - Pilih SATU(1) soalan sahaja

7. Artikel Burt Dulay dan Krashen, "From Research to Reality" telah menyenaraikan jumpaan-jumpaan utama dalam kajian ke atas pembelajaran bahasa kedua. Bincangkan dengan kritis setiap jumpaan ini.
8. Artikel Burt, Dulay dan Krashen, "From Research to Reality" telah mencadangkan beberapa garis panduan untuk pengajaran bahasa berdasarkan jumpaan-jumpaan utama dalam kajian pembelajaran bahasa kedua.

Senaraikan garis panduan yang telah dicadangkan, dan bagi setiap satu, sertakan teknik bilik darjah yang boleh digunakan*. Di mana perlu berikan contoh dari bahasa Malaysia.

* Teknik bilik darjah ini mestilah berdasarkan konteks pengajaran bahasa Malaysia di dalam sekolah-sekolah menengah di Malaysia.